

BA253

R GB 23-02 00162

AAB

Mahathir - Teluk

(EMBARGO: Untuk Siaran Pada Pukul 11 Malam Ini, 23 Feb)

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap Perang Teluk, yang telah menyebabkan berpuluh ribu rakyat Iraq dan Kuwait terkorban, sebagai satu peperangan sia-sia bagi Iraq dan merugikan umat Islam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menyeru Iraq agar keluar dari Kuwait segera bagi mengelak lebih banyak nyawa terkorban dan supaya semua pihak yang terlibat dalam perang itu memberhentikan peperangan dengan segera.

+Malaysia menyeru Iraq keluar dari Kuwait dengan segera supaya akan berkurangan nyawa yang terkorban akibat peperangan sia-sia ini.

+Malaysia juga mendesak Amerika Syarikat dan negara-negara bersekutu supaya menghormati Ketetapan 678 yang tidak mengizinkan Iraq dimusnahkan,+ katanya ketika berucap pada majlis makan malam Persatuan Peguam-peguam Muslim Malaysia di sini malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan Malaysia tidak menyokong sebarang pencerobohan oleh sesiapaupun, sama ada kuasa kecil, kuasa sederhana ataupun kuasa besar. -- Lagi.

♥23/02/23-47MST

BA254

R GB 23-02 00138

AAB

Mahathir - Teluk 2 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Beliau berkata, Malaysia menyokong Ketetapan 678 Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyelamatkan Iraq iaitu dengan memberi amaran keras bahawa kekerasan akan digunakan sekiranya Iraq tidak keluar daripada Kuwait.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa menceroboh Kuwait bukanlah cara bagi Iraq memperjuangkan Islam .

+Jika Iraq ingin memperjuangkan hak orang Islam dan sanggup menghadapi sebarang tentangan termasuk berperang dengan Amerika Syarikat, jalan terbaik ialah menyerang Israel dan bukannya Kuwait.

+Jika kerana menyerang Israel, Iraq diserang balas oleh Amerika Syarikat seluruh dunia Islam akan menyokong Iraq,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Iraq melancarkan peluru berpandu ke arah Israel bukan bertujuan menghancurkan Israel atau membantu rakyat Palestin, tetapi hanya untuk melibatkan Israel dalam peperangan bagi mendapat sokongan dan simpati orang Islam. -- Lagi.

♥23/02/23-48MST

BA255

R GB 23-02 00142

AAB

Mahathir - Teluk 3 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Perdana Menteri juga mempersoalkan: +Apakah keuntungan bagi umat Islam jika Kuwait diperintah oleh Iraq dan bukannya oleh raja Kuwait.+

Beliau berkata, peperangan itu bukan saja menyebabkan banyak kehilangan nyawa, tetapi juga segala harta Kuwait dan Iraq hancur lebur.

Datuk Seri Dr Mahathir bertanya apakah selepas pengorbanan besar rakyat Iraq itu, negara berkenaan dan umat Islam akan menguasai dunia. +Hanya mereka yang khayal sahaja akan memikir demikian,+ tegas beliau.

Sebaliknya, Perdana Menteri membayangkan kemungkinan Iraq akan hancur dan tiada negara Islam yang boleh mengimbangi kekuatan Israel dan seluruh Asia Barat terletak di bawah telunjuk Amerika Syarikat.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir juga menyarankan para peguam beragama Islam agar berusaha gigih bagi mewujudkan masyarakat yang maju dan dinamik serta negara yang bertamadun tinggi. -- Lagi.

♥23/02/23-48MST

BA256

R GB 23-02 00133

AAB

Mahathir - Teluk 4 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Perdana Menteri juga mahu anggota persatuan itu meningkatkan imej Islam di bidang perundangan.

Presiden persatuan itu, Encik Zaid Ibrahim, dalam ucapannya, pula mencadangkan penubuhan sebuah persatuan gabungan yang dianggotai oleh semua badan perundangan bagi memperkemaskan sistem pertadbiran mahkamah.

Beliau mencadangkan badan itu dianggotai oleh para pegawai Kementerian Kehakiman, Jabatan Peguam, Badan Kehakiman, wakil-wakil Majlis Peguam dan juga pensyarah undang-undang.

Katanya, badan seperti itu boleh berfungsi untuk menyelaras perancangan dan tindakan dalam menghadapi sebarang masalah berhubung dengan perundangan.

Badan yang dicadangkan itu serupa seperti yang dilaksanakan di Singapura sekarang iaitu Singapore Academy of Law, yang berfungsi menyediakan kursus pembelajaran undang-undang, meningkatkan tahap kelakuan, pelajaran dan kemahiran ahli-ahli profesyenal yang terlibat dalam undang-undang, tambah beliau. -- Bernama.